

## ULASAN OPERASI PERNIAGAAN

### **ULASAN TAKAFUL MALAYSIA**

Pada 2014, industri Takaful Keluarga Malaysia mencatatkan penyusutan kecil sebanyak 0.7% dalam jumlah Sumbangan Bersih kepada RM4.8 bilion (2013: RM4.8 bilion, +5.0%), manakala perniagaan Takaful Am mencatatkan peningkatan 5.6% dalam jumlah Sumbangan Diraih kepada RM1.5 bilion (2013: RM1.4 bilion, +8.4%).

Pada tahun yang dilaporkan, MAA Takaful mengatasi industri dengan mencatatkan peningkatan 42.4% dalam Sumbangan Diraih Kasar Takaful Keluarga kepada RM367.6 juta (2013: RM258.2 juta) dan peningkatan 32.9% dalam Sumbangan Diraih Kasar Takaful Am kepada RM286.8 juta (2013: RM215.8 juta).

Namun begitu, Dana Takaful Keluarga MAA Takaful mencatatkan Rugi Sebelum Cukai ("RSC") RM11.3 juta (2013: Sifar). RSC timbul akibat peningkatan dalam manfaat takaful bersih dan pembayaran tuntutan khususnya daripada produk perubatan dan kesihatan yang seterusnya menyebabkan penamatkan sokongan takaful semula, lantas menimbulkan rizab yang lebih tinggi. Di bawah Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, kerugian dalam dana risiko takaful akan diserap dan diiktiraf sedemikian oleh pengendali takaful di peringkat syarikat. Walau bagaimanapun, terdapat pemindahan lebihan berjumlah RM11.0 juta (2013: RM7.3 juta) kepada Dana Pemegang Saham daripada dana risiko takaful berkaitan pelaburan sepanjang tahun kewangan.

Dana Takaful Am MAA Takaful mencatatkan RSC RM0.6 juta (2013: USC RM1.6 juta). RSC disebabkan terutamanya oleh belanja yuran wakalah lebih tinggi dan peruntukan rosot nilai bagi penghutang insurans, walaupun terdapat peningkatan dalam manfaat takaful bersih dan nisbah tuntutan kepada 51.9% (2013: 60.7%).

Dana Pemegang Saham MAA Takaful mencatatkan USC lebih rendah sebanyak RM8.2 juta (2013: RM13.0 juta), selepas mengambil kira pemindahan lebihan RM11.0 juta (2013: RM7.3 juta) daripada Dana Takaful Keluarga dan tiada pemindahan (2013: RM1.6 juta) daripada Dana Takaful Am. Untung lebih rendah disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan pengurusan dan komisen lebih tinggi.

MAA Takaful menjangkakan persekitaran operasi di dalam sektor Takaful kekal positif, walaupun menghadapi cabaran yang timbul daripada perubahan peraturan yang disyorkan dan perkongsian kerugian mandatori yang dikenakan oleh Insurans Kenderaan Berkelompok Malaysia walaupun tarikh berkuatkuasa pelaksanaan ini masih belum diumumkan.

Sebagai sebahagian daripada tindak balas strategik kepada perkembangan terkini, MAA Takaful akan menggiatkan usaha untuk menambah baik proses dalaman berkaitan taja jamin, penetapan harga, kredit dan kawalan kos, melancarkan produk baru yang inovatif, meluaskan asas pelanggan, mengekalkan agensi yang berkualiti dan produktif, menubuhkan cawangan baru dan mempelbagaikan saluran pengedaran.

### **ULASAN INSURANS ANTARABANGSA**

MAA International Assurance Ltd ("MAAIA"), bahagian insurans dan pelaburan luar pesisir Kumpulan yang berpangkalan di Labuan mencatatkan RSC RM12.9 juta, (2013 RSC: RM8.2 juta). RSC ini disebabkan terutamanya oleh peruntukan rosot nilai berjumlah RM13.0 juta yang dibuat berkaitan dengan wang pendahuluan yang diberikan kepada PT MAAG untuk menyokong perbelanjaan perniagaan bakian syarikat. Dengan perniagaan am dan insurans semula hayat dilupuskan sepenuhnya menerusi penjualan MAA Assurance pada 2011 ditambah pula dengan dana bon berkaitan pelaburan terakhir yang matang pada tahun dilaporkan, MAAIA akan kekal terutamanya sebagai bahagian pelaburan Kumpulan pada masa depan.

PT MAAG mencatatkan USC berjumlah RM17.0 juta pada 2014 (2013: RSC RM28.1 juta), yang disumbangkan terutamanya oleh pendapatan RM16.5 juta yang timbul daripada penepian liabiliti tuntutan daripada rundingan untuk mengurangkan pembayaran. Pada 2013, kerugian dialami kerana kesan baki perniagaan daripada penamatkan penuh aktiviti taja jamin, pemulangan premium bagi polisi dibatalkan, kerugian rosot nilai bagi penghutang insurans dan peruntukan bagi perbelanjaan pemberhentian kerja kakitangan. Rundingan bagi pengurangan tuntutan dan komutasi dengan penginsurans semula masih sedang dilaksanakan.

Pada tahun yang dilaporkan, Perniagaan Insurans Am di Filipina memberikan sumbangan positif kepada keputusan Kumpulan dengan sumbangan USC RM2.1 juta (2013: RM0.5 juta). Untung lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh peningkatan 7.8% dalam premium kasar kepada RM83.4 juta (2013: RM77.2 juta) dan tuntutan bersih lebih rendah yang ditanggung yang membolehkan rizab tuntutan dilepaskan.

### **ULASAN PEMBIAYAAN GADAI JANJI AUSTRALIA**

Kumpulan syarikat bersekutu milik 49% di Australia, Columbus Capital Pty Ltd ("CCAU") yang terlibat dalam perniagaan pinjaman gadai janji runcit dan pensekuritan hutang mencatatkan USC lebih rendah sebanyak RM0.3 juta (2013: RM1.2 juta) pada tahun yang dilaporkan. Untung lebih rendah disebabkan hasil operasi lebih rendah yang timbul daripada pengurangan portfolio pinjaman kerana pembayaran balik mengatasi pemberian pinjaman dan perbelanjaan operasi yang lebih tinggi terutamanya untuk kos kakitangan dan perbelanjaan berkaitan IT, yang timbul daripada penggunaan sumber dalaman bagi operasi kredit dan kutipan. Namun begitu, CCAU mencatatkan margin faedah kasar lebih tinggi sebanyak 10.8% berbanding 8.4% pada 2013.

Dalam pada itu, CCAU akan terus menguruskan portfolio gadai janji sedia ada secara aktif dengan matlamat mengukuhkan lagi margin faedah dan pada masa yang sama meningkatkan kapasiti pemberian pinjaman untuk mengembangkan perniagaannya.

Mengenai cadangan langganan kepentingan ekuiti tambahan dalam CCAU di bawah rancangan penyusunan semula PN17 Kumpulan, yang akan meningkatkan kepentingan ekuiti efektif Kumpulan dalam CCAU daripada 47.95% kepada 55%, Kumpulan kini sedang menilai dengan teliti keupayaan syarikat menjana keuntungan jangka panjang yang mampan sebelum mengambil langkah seterusnya.